



NEGERI PAHANG

TAMBAHAN PERUNDANGAN

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976
Phg. P.U. 18/1993
UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING (MAJLIS DAERAH PEKAN) 1993

Tarikh penyiaran:
Tarikh berkuatkuasa:

25 November 1993
25 November 1993

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Mukadimah

- Undang-Undang Kecil 1. Nama dan mula berkuatkuasa.
- Undang-Undang Kecil 2. Takrif.
- Undang-Undang Kecil 3. Perlesenan.
- Undang-Undang Kecil 4. Prosedur perlesenan.
- Undang-Undang Kecil 5. Pertukaran kempunyaan anjing berlesen.
- Undang-Undang Kecil 6. Kehilangan lencana logam.
- Undang-Undang Kecil 7. Memakai kolar anjing dan lencana logam.
- Undang-Undang Kecil 8. Anjing berpenyakit.
- Undang-Undang Kecil 9. Pembinaan.
- Undang-Undang Kecil 10. Bilangan anjing yang di benarkan.
- Undang-Undang Kecil 11. Perlesenan tempat-tempat di mana anjing di simpan bagi maksud perdagangan.
- Undang-Undang Kecil 12. Penalti.

Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Pekan Membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut Pihakberkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil berikut:

1. Nama dan mula berkuatkuasa

Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Pekan) 1993** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta*.

2. Takrif

Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“doktor veteriner” ertinya doctor veterinar sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Doktor Veterinar 1974 [Akta 147];

“lencana logam” ertinya lencana logam seperti yang tersebut dalam undang-undang kecil 4 (2) (b);

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Pekan;

“Pemunya” berhubungan dengan anjing ertinya orang yang memiliki, menjaga atau mengawal anjing itu, tetapi jika sekiranya timbul keraguan mengenai keempunyaan seseekor anjing, pemunya atau penduduk premis yang sering didatangi oleh anjing itu atau orang yang sering memberi makan anjing itu hendaklah disifatkan sebagai pemunya sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pemunya, penduduk atau orang itu.

3. Perlesenan

(1) Tiada seorang pun boleh memiliki, menyimpan, melindungi atau menyenggara seseekor anjing yang telah mencapai umur tiga bulan melainkan anjing itu telah dilesenkan di bawah Undang-Undang Kecil ini.

(2) Sesuatu lesen hendaklah habis tempoh pada 31hb Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan.

4. Prosedur perlesenan

(1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang diperuntukkan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan fee lesen sebanyak tiga puluh ringgit.

(2) Selepas menerima sesuatu permohonan dan fee lesen, pegawai pelesenan hendaklah-

(a) mendaftarkan anjing itu dengan menyebabkan suatu catatan dibuat dengan daftar yang disimpan bagi maksud itu mengenai perihal anjing dan nama serta alamat pemunya;

(b) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lesen dalam bentuk lencana logam yang sesuai yang mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor pendaftaran anjing itu; dan

(c) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu resit bagi fee yang dibayar, mengandungi perihal anjing itu dan tandatangan pegawai pelesenan.

5. Pertukaran keempunyaan anjing berlesen.

Jika terdapat pertukaran keempunyaan seseekor anjing berlesen, pemunya yang baru hendaklah, dalam tempoh sebulan dari itu, memberitahu pegawai pelesenan mengenai pertukaran itu, dan pegawai pelesenan hendaklah mendaftarkan nama serta alamat pemunya baru itu dengan percuma.

6. Kehilangan lencana logam.

Tiada penggantian boleh dikeluarkan bagi lencana logam yang hilang, tetapi pemunya anjing berkenaan boleh mendapatkan suatu lesen baru atas permohonan dan pembayaran fee sebanyak tiga puluh ringgit.

7. Memakai kolar anjing dan lencana logam.

Pemunya anjing berlesen hendaklah mengadakan kolar yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu yang padanya lencana logam yang sah pada masa itu hendaklah dipasang dengan kukuh mengikut apa-apa cara yang membolehkannya dilihat apabila kolar itu dipakai oleh anjing itu.

8. Anjing berpenyakit.

Pemunya anjing hendaklah-

(a) jika anjing itu berpenyakit, mengambil langkah seberapa segera yang boleh untuk membolehkan anjing itu diperiksa dan dirawat oleh seorang doctor veterinar dan tidak boleh membenarkan anjing itu disimpan di premisnya melainkan jika anjing itu telah diperiksa dan berada di bawah rawatan seorang doktor veterinar;

(b) menyenggara rumah anjing di luar premisnya di mana anjing itu ditempatkan dalam keadaan suci dan bersih;

(c) membuang dari premisnya apa-apa bahan najis daripada anjing itu, dan berbuat begitu mengikut atau dengan apa-apa cara yang tidak mungkin akan menyebabkan kemarahan atau kesusahan kepada orang-orang lain;

(d) mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak mengganggu jiran-jirannya disebabkan oleh salakan yang tidak berhenti-henti atau selainya;

(e) mengambil langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunya dan bahawa anjing itu berikat apabila dibawa keluar daripada premis pemunya; dan

(f) mengambil langkah yang ketat untuk memastikan bahawa anjing itu tidak dibawa ke mana-mana tepian pantai, laut atau kolam renang untuk bermandi-manda atau ke mana-mana tempat mandi awam.

9. Pembinaan.

(1) Mana-mana anjing yang berumur lebih daripada tiga bulan yang dijumpai lepas bebas atau dijumpai di tempat awam dengan tidak memakai lencana logam yang sah pada masa itu dan mana-mana anjing berpenyakit yang tidak berada di bawah rawatan doktor veterinar boleh dibinasakan oleh mana-mana orang yang diberikuasa bagi maksud itu oleh Majlis dan mana-mana orang yang diberikuasa sedemikian boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis, selain daripada rumah tinggal, bagi maksud mencari, mendapatkan, merampas atau membinasakan anjing itu.

(2) Mana-mana anjing, sama ada berlesen atau tidak, yang pemunyaanya tidak ditemui, boleh dibinasakan atau dilupuskan secara lain sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis atau mana-mana orang yang diberikan bagi maksud itu oleh Majlis.

10. Bilangan anjing yang di benarkan.

(1) Pemunya harta yang mempunyai kawasan 929 meter persegi atau kurang tidak boleh menyimpan atau membenarkan disimpan lebih daripada dua ekor anjing di atas hartanya, dan jika kawasan itu lebih daripada 929 meter persegi, hadnya ialah empat ekor anjing melainkan jika selainnya diluluskan oleh Majlis dalam mana-mana kes tertentu.

(2) Tiada anjing boleh disimpan lebih tinggi daripada tingkat bawah mana-mana bangunan.

11. Perlesenan tempat-tempat di mana anjing di simpan bagi maksud perdagangan.

(1) Tiada seorang pun boleh menggunakan mana-mana bangunan, premis atau pegangan untuk menyimpan anjing untuk pembiakan bagi maksud perdagangan atau sebagai rumah anjing atau klinik Veterinar melainkan jika dilesenkan oleh Majlis bagi maksud itu.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen di bawah perenggan (1) hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang diperuntukkan oleh Majlis dan hendaklah disertakan dengan fee lesen yang akan ditetapkan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

12. Penalti.

Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan Undang-Undang Kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau dihukum penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara itu keduanya sekali.

Diperbuat pada 20 haribulan Mei 1992.
[MDP. 4/0135.]

AB. RAHIM BIN MA'IN,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Pekan

Disahkan pada 20 haribulan Mei 1992.
[SUK.PHG. (KT) 5488.]

MOHAMAD NOOR BIN ABDUL RANI,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan
Pahang